

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini projek-projek di bawah LSS-3 dan LSS@MEnTARI.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Julai 2021, kemajuan projek-projek loji jana kuasa solar di bawah Program *Large Scale Solar Pusingan Ke-3* (LSS-3) adalah dalam lingkungan 30% hingga 80%. Kesemua projek di bawah LSS-3 dijangka dapat disiapkan dan mula mengeksport tenaga elektrik ke grid menjelang akhir tahun 2022.
2. Bagi projek-projek di bawah LSS@MEnTARI yang diumumkan keputusannya pada bulan Mac 2021, kesemua pembida yang berjaya telah menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga (PP) dan sedang dalam proses mencapai *financial close*. Kerja-kerja tapak akan bermula selepas syarikat mencapai *financial close*.
3. Pelaksanaan projek-projek di bawah LSS-3 dan LSS@MEnTARI telah mengalami sedikit kelewatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan Kerajaan sepanjang tahun 2021 ekoran penularan wabak Covid-19. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan kelewatan ini tidak menjaskan pencapaian sasaran 31% kapasiti Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025 sebagaimana yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.